

JPPK minta mangsa banjir berpindah

KOTA BHARU 26 Dis. - Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) meminta mangsa banjir supaya berpindah ke pusat-pusat pemindahan yang ditetapkan bagi memudahkan bantuan disalurkan kepada mereka.

Pengarahnya, Datuk Makhtar Mustafa berkata, bantuan akan disalurkan kepada mangsa yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di pusat pemindahan ditetapkan sahaja.

“Kita minta supaya mangsa berpindah ke tempat yang kita sediakan dan mendaftar dengan JKM. Bantuan akan diberikan kepada mereka yang berpindah manakala mereka tidak pindah, kita belum pasti, bentuk bantuan bergantung kepada keperluan semasa.

“Bantuan adalah dalam bentuk makanan dan wang tunai. Oleh itu, saya minta mereka berpindah, jangan tidak pindah kerana dibimbangi timbul masalah,” katanya di sini hari ini.